

Arahan: Sila jawab secara atas talian terlebih dahulu. Selesai jawab, sila email kepada lingohng@yahoo.com

Anda hanya perlu catat soalan dan jawapan pada buku tulis anda apabila cikgu menghantar jawapan pada kelas yang berikutnya.

SOALAN

Maklumat berikut berkaitan dengan perbelanjaan isi rumah di Malaysia.

Pendapatan isi rumah bulanan rakyat Malaysia meningkat sebanyak 6.6% kepada RM5228 pada tahun 2016 daripada RM4585 pada tahun 2014. Hal ini memberi kesan ke atas pendapatan dan perbelanjaan rakyat Malaysia yang positif.

- a) Terangkan secara ringkas dua jenis perbelanjaan yang dilakukan oleh isi rumah. [4m]
- b) Mengapakah wujud perbezaan corak perbelanjaan isi rumah antara kedua-dua tahun tersebut? Berikan pendapat anda. [6m]

JAWAPAN

a)

Dua jenis perbelanjaan yang dilakukan oleh isi rumah ialah

Perbelanjaan terhadap barang dan perbelanjaan terhadap perkhidmatan	
Perbelanjaan terhadap barang keperluan dan barang kehendak	

Perbelanjaan terhadap barang terdiri daripada

Perbelanjaan terhadap barang keperluan untuk meneruskan kehidupan dan perbelanjaan terhadap kehendak untuk keselesaan hidup	
Perbelanjaan terhadap barang tahan lama seperti barang-barang elektrik dan perbelanjaan terhadap barang tidak tahan lama seperti makanan	

Perbelanjaan terhadap perkhidmatan ialah

Perbelanjaan terhadap perkhidmatan seperti pendidikan, perubatan, kereta, pakaian dan sebagainya	
Perbelanjaan terhadap perkhidmatan seperti perubatan, pengangkutan, bayaran bil air dan elektrik	

b) Pada pendapat saya, sebab wujud perbezaan corak perbelanjaan isi rumah antara kedua-dua tahun tersebut ialah seperti berikut.

Pertama, citarasa.

Apabila pendapatan meningkat, isi rumah akan meningkatkan perbelanjaan terhadap barang yang disukainya.	
Apabila pendapatan meningkat, isi rumah akan menurunkan perbelanjaan terhadap barang yang disukainya.	

Kedua, pengiklanan.

Pengiklanan yang berjaya akan mendorong isi rumah menurunkan perbelanjaan.	
Pengiklanan yang berjaya akan mendorong isi rumah meningkatkan perbelanjaan.	

Ketiga, pendapatan.

Apabila pendapatan meningkat, golongan berpendapatan tinggi akan meningkatkan perbelanjaan ke atas barang keperluan. Golongan berpendapatan rendah akan meningkatkan perbelanjaan ke atas barang kehendak.	
Apabila pendapatan meningkat, golongan berpendapatan tinggi akan meningkatkan perbelanjaan ke atas barang kehendak. Golongan berpendapatan rendah akan meningkatkan perbelanjaan ke atas barang keperluan.	

Keempat, harga.

Apabila harga barang meningkat, pengguna akan menurunkan perbelanjaan ke atas barang tersebut.	
Apabila harga barang meningkat, pengguna akan meningkatkan perbelanjaan ke atas barang tersebut.	